



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Marduati Mukhtar. (2024). Peranan pihak berkepentingan dalam melaksanakan. Konsep *Cultural Resource Management* untuk pengurusan warisan ketara di Kota Banda Aceh, Aceh, Indonesia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 22-40.. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.3>

PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM MELAKSANAKAN KONSEP *CULTURAL RESOURCE MANAGEMENT* UNTUK PENGURUSAN WARISAN KETARA DI KOTA BANDA ACEH, ACEH, INDONESIA

*(The Role of Stakeholders in Implementing the Concept of Cultural Resource
Management for Tangible Heritage Management in
Kota Banda Aceh, Aceh Indonesia)*

¹Marduati Mukhtar

¹Jabatan Sejarah dan Kebudayaan Islam
Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Indonesia

¹*Corresponding author: marduati@ar-raniry.ac.id*

Received: 6/7/2024

Revised: 25/7/2024

Accepted: 6/9/2024

Published: 12/9/2024

ABSTRAK

Warisan ketara merupakan kajian daripada arkeologi berupa monumen, kumpulan bangunan, dan tapak karya manusia serta gabungan kerja manusia dengan sumber semula jadi. Pelaksanaan pengurusan warisan ketara merupakan usaha yang dilakukan oleh individu atau kelompok. Dalam melaksanakan pengurusan warisan ketara harus tetap mempertahankan prinsip keaslian daripada bendanya. Walau bagaimanapun, pengurusan warisan ketara di Kota Banda Aceh mengalami polemik di kalangan pihak yang berkepentingan. Oleh itu, artikel ini

adalah hasil kajian yang dijalankan untuk melakukan identifikasi terhadap pihak yang berkepentingan dalam pengurusan warisan ketara di Kota Banda Aceh. Data artikel diperoleh melalui temu bual dan kajian kepustakaan. Artikel ini dijumpai empat kelompok pihak berkepentingan. Pertama pemerintah melalui lembaga terkait. Lembaga tersebut memiliki perkhidmatan pengurusan warisan ketara dan terlibat dalam pengurusannya namun ada perbezaan pandangan pada pelaksanaannya. Kedua, organisasi masyarakat iaitu kelompok masyarakat yang membina lembaga dan tidak berada di bawah pemerintah. Organisasi tersebut turut melakukan pengurusan dengan alasan ingin menyelamatkan warisan ketara dari kerosakan. Ketiga, kelompok akademik yang hanya melakukan kajian dan penyelidikan terkait dengan keilmuan dan juga turut memberikan cadangan kepada pihak yang berkepentingan agar selari dengan konsep pelestarian. Keempat adalah masyarakat tempatan dan juga ahli waris daripada objek warisan ketara. Keempat kelompok tersebut terlibat dalam pengurusan warisan ketara di Kota Banda Aceh. Akhir sekali bahawa kajian ini mendapati adanya perbezaan pandangan dan cara melakukan pengurusan warisan ketara pada masing-masing kelompok. Pengurusan yang dilakukan masih hanya terhad pada perlindungan dan pemanfaatan sahaja belum kepada tahap pengembangan yang menghasilkan ekonomi bagi masyarakat ramai.

Kata kunci: Kota Banda Aceh, pengurusan warisan ketara, pihak berkepentingan, peranan.

ABSTRACT

Tangible heritage is the study of archeology in the form of monuments, groups of buildings, and sites of human works and the combination of human works with natural resources. The implementation of tangible cultural resource management is an effort carried out by individuals or groups. In carrying out the concept of managing significant heritage, one must maintain the principle of authenticity of the object. However, the management of significant heritage at Kota Banda Aceh has experienced polemics among interested parties. Therefore, this study was carried out to identify parties interested in managing significant heritage at Kota Banda Aceh. Article data was obtained through interviews and literature review. In this study, four groups of interested parties. First, the government through related institutions. These institutions have significant heritage management services and are involved in its management but there are different views on its implementation. Second, community organizations are community groups that develop institutions and are not under the government. The organization took part in the management because it wanted to save significant heritage from damage. Third, academic groups that only carry out studies and investigations related to science and also provide recommendations to interested parties so that they are in line with the concept of conservation. Fourth are local people and also the heirs of significant heritage objects. These four groups are involved in the management of significant heritage at Banda Aceh City. Finally, this study found that there were significant differences in views and ways of managing heritage in each group. The management carried out is still limited to protection and utilization, not yet at the development stage which produces economic benefits for the general public.

Keywords: City of Banda Aceh, management of significant heritage, interested parties, role

PENGENALAN

Pihak berkepentingan merupakan individu atau organisasi yang aktif dalam kerja-kerja yang berhubung kait dengan pelbagai kepentingan pengurusan warisan ketara. Kerja mereka bermula daripada mengenal pasti pihak yang berkepentingan, menentukan keperluan dan jangkaan mereka, serta seboleh-bolehnya uruskan pengaruh mereka untuk memastikan kerja yang berjaya. Kumpulan atau individu bersaing untuk memperoleh sumber terhad atau mengejar matlamat yang bercanggah dengan program tersebut. Hal demikian perlu dipertimbangkan kerana ia boleh menjejaskan program. Pihak yang berkepentingan mempunyai tanggungjawab dan kuasa yang berbeza serta pengaruh ke atas projek yang mungkin berubah semasa hayat. Namun, pihak berkepentingan ini mempunyai pengaruh positif atau juga negatif terhadap projek, bergantung kepada masing-masing pihak yang mendapatkan manfaat atau dirugikan (Mohammadreza Hajialikhani 2008).

Pihak berkepentingan sangat penting dalam pengurusan warisan ketara. Pengurusan warisan ketara merupakan istilah yang sering digunakan oleh pihak profesional dalam usaha pemuliharaan aset budaya seperti artifak, bangunan, tapak, dan barang warisan ketara yang lain dalam masyarakat. Proses menjalankan aktiviti pemuliharaan objek warisan ketara disebut dengan pengurusan warisan ketara. Ruang lingkup kajian warisan ketara iaitu hal-hal yang berkenaan dengan aset warisan ketara yang wujud di pelbagai wilayah, antaranya kawasan bandar.

Bandar warisan adalah bandar atau distrik yang mempunyai khazanah luar biasa dalam bentuk alam dan artifak budaya mampan, bangunan dan kawasan lapangnya, termasuk fizikal, aspek ekonomi dan sosiobudaya. Ia sememangnya bukan terutamanya mengenai monumen atau warisan ketara sahaja. Ia juga merupakan tempat tinggal yang berdiri daripada pelbagai aktiviti sosial dan budaya termasuk warisan tidak ketara. Oleh itu, pemuliharaan warisan bandar bukan pemeliharaan fabrik bersejarah atau pengindahan pusat bandar tetapi lebih holistik terhadap pemuliharaan semula jadi, warisan ketara, dan tidak ketara. Kesenambungan sejarah landskap bandar yang inovatif dan kreatif serta penglibatan masyarakat dalam menguruskan usaha pemuliharaan warisan adalah sangat penting. Hubungan warisan dan masyarakat setempat adalah melalui pengurusannya dan menjadi salah satu isu utama dalam pemuliharaan. Oleh itu, diperlukan galakan dan semangat masyarakat dalam pemuliharaan warisan. Tambahan pula, sokongan dari pihak luar atau pihak berkepentingan lainnya untuk mencapai kejayaan pemuliharaan warisan bandar (Laretna T. Adishakti, 2016).

Warisan ketara sebagaimana yang termasuk dalam objek *Cultural Resource Management* (CRM) dibagi kepada tiga. Pertama, monumen berupa karya seni bina berupa patung dan lukisan yang monumental, elemen struktur yang bersifat arkeologi, prasasti (inskripsi), gua dan kombinasi fitur yang memiliki nilai universal dari sudut sejarah, seni dan ilmu pengetahuan. Elemen kedua iaitu kelompok bangunan yang terpisah atau terhubung karena seni bina, homogen dan landskap. Ketiga terdiri dari jejak karya manusia atau gabungan dengan alam, manusia dan lingkungan, memiliki nilai universal yang luar biasa daripada sudut pandang sejarah, estetika, etnologi atau antropologi (UNESCO, 1972). Warisan benda atau Cagar Budaya sebagaimana terdapat di dalam undang-undang di Indonesia berupa “benda, bangunan, struktur, tapak, dan kawasan cagar budaya yang perlu dilestarikan karena memiliki nilai penting bagi sejarah, ilmu pengetahuan, pendidikan, agama, kebudayaan melalui proses penetapan”(Pemerintah Indonesia, 2010).

Warisan ketara sebagaimana amanah yang dinyatakan di dalam undang-undang harus dilestarikan maka objek yang terkandung di dalam warisan ketara tersebut perlu mendapat sokongan dari pihak yang berkepentingan. Apabila warisan ketara tidak mendapat perhatian daripada pemerintah tempatan dan juga pihak lainnya, maka akan berdampak terhadap keberlangsungan objek warisan ketara untuk masa hadapan. Oleh itu, maka artikel ini

bertujuan untuk menghuraikan tentang peranan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan konsep pengurusan warisan ketara.

KONSEP PENGURUSAN WARISAN KETARA

Konsep *Cultural Resource Management* (CRM) merupakan konsep pengelolaan yang bertujuan untuk menjadikan warisan budaya di seluruh dunia dapat berpeluang dalam mensejahterakan masyarakat di masing-masing daerah sesuai dengan peringkatnya. CRM merupakan bahagian dari kajian ilmu arkeologi. Kelebihan dari kajian ini adalah memerlukan keprofesionalan. Pengurusan warisan budaya memerlukan rangkaian eklektik minat disiplin dan pendidikan serta pengalaman kerja (Meltzer, Fowler, & Sabloff, 1996). Konsep ini telah digagas di awal tahun 1970, ahli arkeologi secara efektif telah memulai langkah itu ke arah profesional dan dimulai dari disiplin ilmu antropologi yang jauh lebih kompleks dan lebih luas. Hal itu disebabkan karena kebanyakan ahli arkeologi profesional masih fokus menangani sifat umum warisan budaya dan pemeliharaannya untuk masa kini bukan masa depan (Holtorf & Högberg, 2015). Prinsip nilai yang dianuti oleh arkeolog adalah mendorong agar menjaga keaslian objek pada saat melaksanakan aktivitas yang bersifat kontemporer. Pengelolaan warisan budaya benda telah dilakukan pada pengelolaan museum, rumah bersejarah, taman negara, ekskavasi arkeologi, landskap kota, landskap, dan lain-lain dengan usaha untuk mempertahankan keaslian objek sebagai *'the real thing'* (McManamon & Hatton, 2017).

Cara kerja CRM dimulai dengan melakukan identifikasi melalui analisis nilai penting, menemukan permasalahan, dan peluang pengelolaan, merancang perencanaan kebijakan pengelolaannya, perencanaan strategi pengelolaan, dan terwujudnya suatu sistem pemanfaatan bagi pelestarian warisan budaya dan juga untuk kesejahteraan masyarakat. Dalam pengelolaan warisan budaya, kajian nilai penting diutamakan sebelum melakukan pemeliharaan sebab nilai-nilai yang melekat pada benda dapat mendukung penguatan sebuah keputusan pengelolaannya (Mason & de la Torre, 2002). Pengelolaan warisan budaya dilakukan oleh masyarakat dan untuk masyarakat, bukan sekedar untuk sekelompok pakar atau ahli. Peter Howard mengungkapkan bahwa warisan budaya adalah sebuah produk atau jasa, sehingga gagasan untuk menjual sumber daya budaya untuk kepentingan ekonomi merupakan langkah yang tepat. Oleh karena itu, kepakaran atau keahlian yang baik diperlukan untuk menganalisis pasar, pengguna, pengusahanya sehingga tidak merusak warisan budaya sebagai objeknya (Mason & de la Torre, 2002). CRM yang diterapkan di Indonesia merupakan suatu sistem yang tujuannya untuk menjadikan manusia dan warisan budaya mampu berdaya sesuai dengan harapan melalui berbagai strategi yang dianggap tepat. Pada dasarnya kegiatan CRM memiliki lima langkah, dimulai dari perancangan (*planning*), menyusun organisasi (*organizing*), menyusun jaringan kerja (*networking*), melaksanakan aktifitas (*activity*), dan mengadakan pengawasan (*controlling*) (I Wayan Suantika, 2012).

Namun demikian, pengurusan warisan ketara banyak menghadapi tantangan dalam melestarikan khazanah masa lalu. Kebanyakan permasalahannya lebih bersifat ekonomi. Menurut Timothy, perlindungan dan pemugaran bangunan bersejarah, makam, bangunan ibadah memerlukan biaya mahal. Bagi negara membangun di mana majoriti penduduknya berhadapan dengan masalah 'perut', sehingga pemeliharaan warisan budaya tidak menjadi hal yang utama. Peruntukan anggaran yang terbatas dan bantuan asing yang sering dibelanjakan secara tidak wajar akibat korupsi yang merajalela. Selain itu, negara-negara yang kurang membangun akibat ketidakstabilan politik dan konflik, penduduknya sering menjadikan

tinggalan bersejarah untuk memusnahkan identiti masa lalu. Faktor lainnya ialah kurangnya peraturan perlindungan yang diciptakan bagi memelihara khazanah tersebut. (Timothy, dan Nyaupane, 2009).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Menyoroti kajian tentang peranan pihak berkepentingan dalam pengurusan warisan ketara di bandar telah dilakukan oleh beberapa tulisan di pelbagai wilayah di dunia. Kajian ini dilakukan untuk meneroka kelompangan terhadap kajian lepas berhubung kait dengan permasalahan artikel ini. Kajian lepas yang penulis maksud antaranya Mykhnenko dan Turok (2008) menyatakan bahawa dalam beberapa dekad di Eropah, pusat bandar bersejarah di bandar Eropah adalah salah satu elemen terpenting dalam warisan budaya tempatan. Fakta tentang sorotan terhadap perkembangan bandar baik tentang lintasan masa lalu mereka dan dalam kaitannya dengan wilayah perkotaan dan pedesaan yang lebih kecil. Salah satu jumpaan artikel ini adalah bandar-bandar secara agregat terus mengalami kemakmuran dibandingkan penurunan dan penurunan kebangkitan atau mempercepat pertumbuhan. Bandar dianggap mengandungi daya hidup budaya, infrastruktur sosial, kemudahan pengguna, dan pilihan kerjaya untuk membantu kawasan dan negara menarik kemahiran serta bakat yang diperlukan untuk menjana juga mengeksploitasi pengetahuan dan dengan itu mampu membina kompetitif dinamik kelebihan. Artikel yang ditulis tentang bandar. Sementara di dalam Hernández, Vaquero, dan Yubero (2017) García-Hernández, De la Calle-Vaquero dan Yubero (2017) menyatakan keadaan seni tentang impak pelancongan dan mengenal pasti, menghuraikan dan menilai dimensi berbeza berdasarkan kajian kes pusat bersejarah bandar Donostia-San Sebastian, Sepanyol. Matlamat utama penyelidikan adalah untuk membantu menentukan bagaimana pelancong mempengaruhi perlindungan “landskap bandar bersejarah” dan model bandar serta destinasi pelancongan yang diingini atau dikehendaki.

Berbeza dengan laporan “World Bank” menyatakan bahawa Kota Lama Fez, Maroko ditetapkan oleh UNESCO sebagai warisan dunia pada tahun 1980. Setelah penetapan, kota yang didirikan di tepi sungai Quad Fez pada abad ke-8 M tersebut telah mendapat dana dari Bank Dunia, UNESCO dan kewangan pemerintah tempatan untuk melakukan pemulihan bermula dari tahun 1990-1996. Hasilnya pada tahun 1996 dan 1976 kota ini telah mampu mengembalikan lebih dari 13% infestasi awam dari hasil ekonomi di Kota Fez. Dalam konteks ini, sektor pelancongan merupakan penyumbang kepada peningkatan ekonomi Kota Fez (The World Bank, 1999). Laretna T. Adishakti (2004) turut menjelaskan bahawa keadaan ini berbeza sebelum penetapan oleh UNESCO sebagai warisan dunia, keadaan fizikal kota lama ini dilihat semakin merosot dan sepertiga daripada 150.000 keluarga setempat didapati berpendapatan rendah. Ke kumuhan muncul di sana sini. Padahal, sejak tahun 1980, kota lama Fez ini secara keseluruhannya telah ditetapkan oleh UNESCO sebagai kota warisan dunia kerana mengandungi banyak warisan ketara. Oleh itu, kerajaan telah melakukan upaya untuk memulihara kota Fez dengan program pemulihan. Dalam konteks ini, pihak kerajaan melakukan baik pulih terhadap bangunan-bangunan yang rosak dan menawarkan insentif bagi orang perseorangan atau ahli perniagaan yang mahu menggunakan bangunan-bangunan tersebut dengan fungsi baru.

Namun begitu terdapat banyak cabaran dan halangan untuk membangunkan warisan ketara bagi mengekalkan khazanah masa lalu. Kebanyakan cabaran itu lebih bersifat ekonomi. Menurut Timothy, perlindungan dan pengubahsuaian bangunan bersejarah, makam, bangunan ibadah memerlukan biaya mahal. Bagi negara membangun di mana majoriti penduduknya berdepan dengan masalah ‘pengisian perut’, pemeliharaan warisan ketara keseringan tidak menjadi keutamaan. Terdapat kekurangan anggaran untuk kebijakan dan mengekalkan aset warisan ketara yang berharga. Peruntukan anggaran yang terhad dan bantuan asing yang

selalunya dibelanjakan secara tidak wajar akibat rasuah yang berleluasa. Selain itu, negara-negara yang kurang membangun akibat ketidakstabilan politik dan konflik, penduduknya sering menyasarkan tinggalan bersejarah untuk memusnahkan identiti. Satu lagi faktor ialah kurangnya undang-undang perlindungan yang digubal bagi memelihara khazanah tersebut. Malahan apa-apa yang wujud pun selalunya tidak dikuatkuasakan (Timothy dan Nyaupane, 2009).

Myrna Sukramatri yang mengkaji sejarah Kota Palembang mendapati kota ini memiliki tinggalan arkeologi sejak tempo Hindu. Antara tinggalan tersebut ialah jejak Kerajaan Sriwijaya, Kubu Purba, Muzium Balaputra Dewa, Makam Ki Gede Ing Suro, Jembatan Ampera, dan Kampung Assegaf. Beberapa warisan ketara tersebut telah dikunjungi oleh pelancong, namun pelancongnya hanya datang dari dalam negara. Dapatan penyelidikan menerangkan bahawa pentadbir perlu melakukan pembaikan terhadap daya tarikan, kemudahan, dan pencapaian yang sesuai dengan pengurusan warisan ketara (Myrna Sukmaratri, 2018). Sementara itu Hendra Wijayanto yang melakukan penyelidikan ke atas Kota Solo menyatakan bahawa selain mengutamakan warisan ketara, pihak berwajib kota ini telah mengambil langkah membaiki kampung untuk dijadikan sebagai penambah kepada objek pelancongan. Salah satu Kampung Pelancongan adalah Kampung Baluwarti. Kampung tersebut memiliki potensi pelancongan berupa objek warisan ketara. Di samping warisan ketara, Kampung Baluwarti juga menyediakan acara budaya, makan khas Baluwarti dan kerajinan tangan warga tempatan. Namun, menggali potensi yang ada di kampung tersebut belum dilakukan secara maksimum (Hendra Wijayanto, 2018).

PERNYATAAN MASALAH

Pernyataan masalah wujud apabila ditemukan kelompangan daripada jumpaan kajian lepas yang belum menyentuh secara spesifikasi berkait erat dengan penulisan artikel ini.) Mykhnenko dan Toruk (2008) menyatakan tentang sebuah bandar mempunyai peristiwa naik dan turun dalam memajukan wilayahnya. Bandar yang berhasil adalah bandar yang mampu mengeksploitasi sumber yang wujud di dalamnya untuk memperoleh keuntungan. Dalam García-Hernández, De la Calle-Vaquero dan Yubero (2017) menyoroti eksploitasi bandar melalui industri pelancongan sehingga kajian ini menghasilkan model perlindungan bandar bersejarah sesuai dengan yang diinginkan. Berbeza dengan The World Bank (1996) menuliskan dalam laporannya bahawa bandar Fez di Maroko yang sudah banyak yang rosak warisan ketaranya dipulihkan semula oleh UNESCO dan berhasil meningkatkan penghasilan perekonomian melalui pelancongan. Ditambah pula oleh Laretna T. Adishakti (2004) memperjelas bahawa Bandar Fez telah ditetapkan sebagai warisan dunia oleh UNESCO pada tahun 1980 dan memberikan keuntungan bagi masyarakat sebagai pengguna bangunan yang diberikan fasiliti oleh pemerintah tempatan. Berbeza halnya dengan Timothy dan Nyaupane (2009) menerangkan bahawa banyaknya permasalahan dalam membangun warisan ketara bagi mengekalkannya sebab pemeliharaan sering berdepan dengan masalah ‘pengisian perut’, sehingga tidak mengutamakan warisan ketara sebagai aset penting bagi negara. Sementara Myrna Sukmaratri (2018) menyoroti kurangnya perhatian terhadap perbaikan daya tarikan, kemudahan, dan pencapaian sebagaimana yang diharapkan dalam pengurusan warisan ketara pada saat dijadikan sebagai objek pelancongan. Demikian juga halnya dengan Hendra Wijayanto (2018) yang menyoroti Kota Solo yang memajukan salah sebuah kampung Baluwarti sebagai daya tarikan di bandar untuk menyokong warisan ketara dapat dijadikan sebagai objek pelancongan.

Berdasarkan kajian lepas tersebut dapat dilihat bahawa adanya kelompangan dalam kajian tersebut berhubung kait dengan pengurusan warisan ketara yang melibatkan peranan pemerintah dan pihak berkepentingan. Beberapa kajian telah disoroti tentang adanya peranan pemerintah namun peranan pihak berpentingan secara menyeluruh belum dilakukan. Oleh hal demikian, penulisan ini diharapkan dapat memberikan tambahan pengetahuan kepada pengkaji warisan ketara berkenaan dengan pengurusannya dan mampu memajukan potensi warisan ketara di bandar-bandar yang dimiliki negara untuk dimanfaatkan sehingga warisan ketara dapat lestari dan juga termanfaatkan.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian di dalam makalah ini adalah:

1. Bagaimana konsep pengurusan warisan ketara?
2. Bagaimana pelaksanaan konsep pengurusan warisan ketara di Kota Banda Aceh?

OBJEKTIF KAJIAN

Persoalan kajian di dalam makalah ini adalah:

1. Mengkaji konsep pengurusan warisan ketara.
2. Mengkaji pelaksanaan konsep pengurusan warisan ketara di Kota Banda Aceh

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan penyelidikan kualitatif dengan kaedah temu bual, *Focus Froup Discussion* (FGD), dan kepustakaan. Kaedah temu bual dilakukan kepada pihak yang berkepentingan. Dalam hal ini, peneliti membagi pihak berkepentingan kepada empat bahagian. Pertama, kelompok pemerintah sebagai penanggungjawab warisan ketara. Kedua, kelompok akademik yang bertanggungjawab terhadap kajian ilmiah untuk pengembangan keilmuan yang berhubung kait dengan warisan ketara. Ketiga, organisasi baik organisasi yang dikendalikan oleh kerajaan atau penswastaan. Keempat, masyarakat baik individu atau keluarga sebagai pemilik atau ahli waris atau serta penduduk tempatan yang dekat dengan warisan ketara. Sementara FGD dilakukan terhadap kelompok masyarakat dan pemerintah dalam menemukan solusi penyelesaian kes masalah pelaksanaan pengurusan objek warisan ketara.

Unsur pemerintah terdiri daripada Ketua Jabatan Kebudayaan di Disdikbud Kota Banda Aceh sebagai penanggungjawab terhadap pengurusan warisan ketara di daerah Kota Banda Aceh. Ketua Jabatan Pelancongan Kebudayaan di Dispar Kota Banda Aceh yang bertanggungjawab untuk memasarkan warisan ketara sebagai objek pelancongan di Kota Banda Aceh. Pengetua Jabatan Bidang Pelestarian warisan ketara (WK) Perkhidmatan Kebudayaan dan Pelancongan Provinsi Aceh bertanggungjawab dalam provinsi Aceh. Ketua Jabatan Pelestarian WK di Balai Pelestarian Budaya (BPK) Provinsi Aceh dan Sumatera Utara bertanggungjawab terhadap WK di dua provinsi iaitu Aceh dan Sumatera Utara. Seterusnya, wawancara terhadap bidang akademik iaitu pakar sejarah dan ahli arkeologi yang berfungsi untuk menjelaskan tentang

data-data sejarah Aceh dan hubungannya dengan WK. Organisasi masyarakat iaitu orang yang terlibat dalam LSM dan juga pelancong ke objek WK. Terakhir adalah keluarga atau ahli waris makam Syiah Kuala. Wawancara dijalankan dengan menggunakan protokol wawancara dan soalan-soalan wawancara dibentuk berdasarkan kepada objektif kajian.

Sumber data lainnya adalah kaedah kepustakaan yang merujuk kepada pencarian sumber tertulis tentang maklumat pengurusan warisan ketara dan juga nilai penting yang terdapat pada objeknya. Oleh itu, pengkaji mencari sumbernya ke perpustakaan yang ada di Kota Banda Aceh. Tujuannya adalah untuk menemukan data berkenaan permasalahan kajian penyelidikan ini. Perpustakaan yang didatangi iaitu Pusat Dokumen dan Informasi Aceh (PDIA), Perkhidmatan Perpustakaan dan Kearsipan Aceh, Arkib Nasional Republik Indonesia (ANRI), Pejabat Perkhidmatan Kebudayaan dan Pelancongan, Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh, Perkhidmatan Pelestarian Warisan Ketara, Muzium Aceh, dan Perpustakaan Ali Hasjmy. Langkah terakhir dari penyelidikan ini adalah melakukan penulisan dengan menghuraikan sumber data yang diperoleh daripada pemerhatian, wawancara dan sumber dokumen dan menghubungkannya dengan persoalan kajian dan konsep yang digunakan sehingga menjadi sebuah karya tulis yang sempurna.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Pengurusan warisan ketara di Kota Banda Aceh mendapat perhatian dari pelbagai pihak yang berkepentingan. Tujuan melaksanakan pengurusan warisan ketara berbeza mengikut kepada kepentingan perseorangan ataupun kelompok. Objek warisan ketara yang diuruskan merupakan objek warisan ketara yang sesuai dengan identifikasi yang ditetapkan di dalam undang-undang atau peraturan kerajaan. Objek warisan ketara yang ada di Kota Banda Aceh berupa peninggalan masa Kerajaan Aceh Darussalam, kolonial Belanda, masa kemerdekaan Republik Indonesia, dan berhubung kait dengan peristiwa tsunami. Jumlah warisan ketara yang sudah ditetapkan oleh kerajaan tempatan sehingga tahun 2022 iaitu 55 objek. Objek lainnya masih dalam tahap kajian. Oleh itu, kerajaan melakukan prioriti terhadap pengurusannya dan autoriti wilayah kerja juga menentukan pihak yang bertanggung jawab terhadap objek warisan ketara. Adapun pihak-pihak yang berkepentingan terhadap warisan ketara dapat diterangkan dalam huraian berikut.

Peranan Kerajaan dalam Pengurusan Warisan Ketara

Kerajaan sebagai pentadbir memiliki tanggungjawab ke atas warisan ketara (WK), Indonesia: cagar budaya (CB) di wilayah kerja. Terdapat juga pemeringkatan objek WK dan dapat dikelompokkan pengurusannya mengikut kepada wilayah kerja dan nilai yang melekat kepada objeknya. Dalam menentukan pemeringkatan yang dilakukan oleh kerajaan tempatan merujuk kepada Undang-undang Republik Indonesia nombor 11 tahun 2010 tentang warisan ketara (Indonesia: cagar budaya) dan Peraturan Pemerintah nombor 1 Tahun 2022 tentang Pendaftaran Negara dan Pelestarian warisan budaya. Kenyataan ini difahami berbeza oleh kerajaan dan orang ramai. Sebelum ditetapkan sebagai warisan ketara, Fasal 25 dan 26 menyatakan bahawa kerajaan wajib melakukan pencarian dan orang ramai juga boleh melakukan perkara yang sama terhadap objek yang disyaki sebagai warisan budaya. Walau bagaimanapun, pencarian perlu dijalankan dengan melalui penyelidikan dengan kebenaran

pihak Datuk Bandar sekiranya ia dilakukan di kawasan perbandaran. Tambahan pula, Peraturan Pemerintah menetapkan bahawa setiap orang yang menjumpai objek yang disyaki sebagai WK atau di Indonesia dinamai objek diduga cagar budaya (ODCB) hendaklah melaporkannya kepada institusi berkaitan. Manakala perlindungan ODCB juga digunakan sama seperti WK (Pemerintah Indonesia, 2022).

Berdasarkan kepada undang-undang tersebut, terdapat ODCB yang diabaikan, ia telah membuatkan masyarakat semakin berani dalam bertindak. Masyarakat juga melihat pihak pemerintah juga tidak begitu memahami tugas pokok dan fungsi (Tupoksi) atau tugas utama di wilayah kerja menyebabkan kondisi ODCB semakin rosak. Ada lembaga pemerintah seperti Balai Pelestarian Kebudayaan (BPK) yang memahami permasalahan ini namun tidak punya wewenang atau kuasa kerana tugasnya berada di bawah kementerian RI. BPK tidak mempunyai wewenang melakukan pemuliharaan di wilayah tingkat I (provinsi) dan II (bandar atau kabupaten) kecuali ada laporan dan permintaan untuk menyelesaikan masalah tersebut dan kemudian mereka akan turun ke lapangan untuk mencari penyelesaiannya. BPK memiliki tenaga ahli pelestarian sehingga berhak memberikan pendampingan atau melakukan pelestarian terhadap WK yang sudah ada pemeringkatan secara (Bambang Atmodji, personal communication, Mac 27, 2019).

Pada asasnya sebagaimana amanah undang-undang, pemerintah daerah boleh melakukan pelestarian berupa perlindungan, pengembangan dan pemanfaatan kerana tugas pelestarian tidak hanya tertumpu pada pemerintah pusat dan daerah sahaja. Seharusnya semua agensi pemerintah yang berkaitan bersama-sama bersinergi dalam melakukan pelestarian. Kerajaan peringkat I juga masih belum mengetahui sepenuhnya kuasa untuk memelihara objek WK. BPK adalah lembaga yang bertanggungjawab terhadap pemuliharaan di seluruh kawasan Aceh (Yudi Andika, personal communication, Januari 30, 2019).

Berdasarkan fakta tersebut, terdapat pandangan terhadap permasalahan pemeliharaan yang tidak sesuai dengan peraturan tetapi disesuaikan dengan logik sehingga berlaku pengabaian, pertindihan kerja kerana tidak merujuk kepada peraturan yang berlaku. Oleh itu, apabila kerajaan memberi amaran kepada orang yang melanggar peraturan, namun mereka selalu mengingkari amaran ini dengan alasan “kita akan menuntut kerajaan kerana meninggalkan CB/ODCB di Aceh”. Selanjutnya kenyataan Mizuar iaitu Pengetua MAPESA berbunyi: “Kita bergerak dengan apa yang kita miliki, kita buat, tidak rosak, kita pun dah lapor tapi tak buka, kita pindah, nanti kalau buat masalah, kita salahkan juga sebab mereka telah meninggalkan WK” (Mizuar Mahdi, 2018).

Jadual 1

Pernyataan Penting dari Institusi mengenai “Cabaran Warisan Ketara”

Bil.	Pernyataan
1.	Masing-masing punya kepentingan, tidak ada koordinasi pada saat membuat perancangan. (Bambang SW Atmodjo: BA), (Mukhlis Bappeda, MB). Namun, koordinasi pernah dilakukan bergantung kepada seseorang yang menjabat saat itu (Husaini Ibrahim: HI).
2.	Dalam satu perkhidmatan kebudayaan dan Pelancongan tidak ada koordinasi juga. (Yudi Andika: YA), (Toto Harianto: TT).

3. Terdapat bidang yang diabaikan sehingga muncul istilah *Lam luweung*, entah apa-apa *lam lungkiknyan*, *ibalek-balek awei ideuh aa*, *jok bak lon* (YA).
4. Seharusnya WK diurus bidang kebudayaan tetapi diambil oleh bidang pelancongan, jadinya rosak. (YA)
5. Juru pelihara juga bertindih (BA)
6. Terdapat kendala pada pembebasan lahan untuk mengembangkan Masjid Baiturrahman kerana banyaknya deretan kedai di kawasan perancangan RTRW. (MB)
7. Pelestarian WK seharusnya dilakukan oleh BPCB, namun mereka hanya memasang pelang dan juru pelihara (YA). Pentadbir kebudayaan Provinsi Aceh boleh mengurus WK yang berada di kabupaten jika terlalu banyak masalah. Mereka ambil alih seperti amanah undang-undang. (YA)
8. Pada kes Kompleks Makam Badrul Munir, masyarakat tidak peduli, mereka tetap buang sampah di sekitarnya (YA).
